

21/12/1997

Daim pengarah eksekutif NEAC

KUALA LUMPUR: Bendahari Umno, Tun Daim Zainuddin, dilantik sebagai pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) yang ditubuhkan bagi membantu kerajaan menangani kegawatan ekonomi negara.

Daim yang juga Penasihat Ekonomi Kerajaan, akan mempunyai kuasa penuh untuk melaksanakan segala keputusan yang dibuat majlis itu.

Mengumumkan pelantikan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata NEAC akan dipengerusikan beliau sendiri manakala Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai timbalan pengerusi.

"NEAC diharap dapat dilancarkan pada bulan depan selepas mendapat kelulusan Kabinet," katanya.

Menurut Dr Mahathir, pelancaran NEAC terpaksa dilewatkan kerana beberapa aspek perundangan perlu diteliti, terutama mengenai bentuk dan kedudukan majlis itu.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, semalam, Dr Mahathir berkata, Malaysia dan negara Asean juga akan mengurangkan pembelian barangan dari luar rantau ini bagi mengurangkan kesan kejatuhan nilai mata wang negara anggota.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu bukanlah bersifat nasionalisme ekonomi, tetapi terpaksa diambil kerana negara tidak mempunyai tukaran asing yang mencukupi.

"Kita akan mengadakan kempen membeli barangan Malaysia dan barangan tempatan hendaklah mempunyai tanda buatan Malaysia supaya diketahui pembeli," katanya.

Dr Mahathir berkata, barangan Asean yang dibeli juga hendaklah diletakkan tanda barangan Asean.

"Kita akan mengurangkan pembelian barangan dari luar Asean terutama yang menggunakan mata wang asing selaras dengan keputusan sidang puncak tidak rasmi Asean baru-baru ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat MT juga menumpukan perbincangan mengenai keadaan ekonomi negara dan berikrar bersatu menanganinya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengadakan kempen penerangan di semua perhubungan negeri, termasuk kempen melalui media massa.

"Kita akan mengadakan program penerangan mengenai perdagangan mata wang kerana mahu semua pihak faham mengenai apa yang sedang berlaku dan tindakan yang akan diambil," katanya.

Dalam wawancara khas bersama RTM di Angkasapuri pula, Perdana Menteri berkata, setakat ini Malaysia tidak bercadang menyekat import sebagai langkah mengatasi masalah ekonomi.

Dr Mahathir bagaimanapun menasihatkan rakyat supaya berjimat-cermat dan menggunakan lebih banyak barangan tempatan.

(END)